



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN APEL.Q
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
14 Februari 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

14 Februari 2023

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 4 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN APEL.Q
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-219 Bilangan 2/2023 yang bersidang pada 14 Februari 2023 telah bersetuju dengan pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan APEL.Q Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG


- 2.1 UPSI telah mendapat kelulusan daripada Agensi kelayakan Malaysia (MQA) untuk melaksanakan APEL.Q bermula 26 Oktober 2021 hingga 25 Oktober 2026 bagi tempoh lima (5) tahun.
- 2.2 Garis Panduan APEL.Q diwujudkan sebagai panduan bagi semua Fakulti untuk menggunakan kaedah penilaian APEL.Q dan menyokong amalan APEL sebagai sebahagian daripada agenda pendidikan negara.

3.0 PERBANDINGAN PINDAAN GARIS PANDUAN

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023												
1.		9.1 Penilaian untuk APEL.Q hendaklah dijalankan secara berasingan bagi setiap program di mana setiap permohonan adalah khusus untuk penganugerahan satu kelayakan akademik.												
2.	<p>9.1 Tiga (3) instrumen penilaian utama yang akan digunakan dalam turutan berikut untuk menilai pembelajaran pengalaman pelajar iaitu:</p> <p>9.1.1 <i>Portfolio</i> 9.1.2 <i>Field and Validation Visit (FVV)</i> 9.1.3 <i>Challenge Test</i></p> <p>Pelajar perlu lulus setiap penilaian mengikut turutan yang dinyatakan sebelum ke peringkat seterusnya. Setelah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga penilaian, pelajar perlu melengkapkan <i>Capstone Course</i> yang telah ditetapkan bagi program pengajian tersebut.</p>	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.2.												
3.	<p>9.2 Peratus pemberatan instrumen penilaian adalah berbeza, yang menyumbang kepada jumlah penilaian keseluruhan. Penilaian pemberatan bagi setiap instrumen adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="398 1075 1010 1369"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Instrumen Penilaian</th> <th>Pemberatan (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td><i>Portfolio</i></td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td><i>Field and Validation Visit (FVV)</i></td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td><i>Challenge Test</i></td> <td>30</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Instrumen Penilaian	Pemberatan (%)	1	<i>Portfolio</i>	20	2	<i>Field and Validation Visit (FVV)</i>	20	3	<i>Challenge Test</i>	30	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.3.
Bil.	Instrumen Penilaian	Pemberatan (%)												
1	<i>Portfolio</i>	20												
2	<i>Field and Validation Visit (FVV)</i>	20												
3	<i>Challenge Test</i>	30												

Bil.	Tahun 2020			Tahun 2023	
		4	<i>Capstone Course</i> (termasuk peperiksaan lisan komprehensif)	30	
4.					9.3 Setiap pelajar APEL.Q akan dinilai menggunakan empat instrumen utama yang perlu mengikut turutan berikut:
5.	9.3 Portfolio				Perubahan dari segi penomboran dan tajuk iaitu; 9.4.1 Portfolio (Wajaran 20%)
6.	9.3.1 Portfolio adalah dokumen formal yang mengandungi kompilasi bukti yang mendokumentasikan pembelajaran pengalaman yang diperoleh.				Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.1.1.
7.	9.3.2 Disediakan oleh pelajar untuk menunjukkan bahawa pembelajaran yang diperoleh adalah relevan dengan program yang dimohon.				Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.1.2.
8.	9.3.3 Bukti mesti disusun dan dikemukakan berdasarkan <i>PLO</i> yang telah dikenal pasti.				Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.1.3.
9.					9.4.1.4 Portfolio akan dinilai berdasarkan pengetahuan/kecekapan program tertentu.
10.	9.4 <i>Field and Validation Visit (FVV)</i>				Perubahan dari segi penomboran dan tajuk iaitu; 9.4.2 Lawatan Lapangan & Pengesahan (Field & Validation Visit, FVV) (Wajaran 20%)
11.	9.4.1 <i>FVV</i> dilakukan di tempat kerja pelajar atau persekitaran/ lokasi yang kondusif bagi membolehkan pelajar menunjukkan bahawa pembelajaran dalam pekerjaan memenuhi <i>PLO</i> .				Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.1.

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023
12.	9.4.1 Jumlah lawatan <i>FVV</i> adalah berbeza bergantung pada kerumitan bidang/ disiplin tahap pengajian.	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.2
13.	9.4.3 Proses penilaian <i>FVV</i> adalah berasaskan <i>PLO</i> yang telah dikenalpasti. Kompetensi calon boleh dinilai melalui beberapa kaedah seperti menyemak dokumen, pemerhatian dan juga temubual bersama staf di tempat kerja pelajar.	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.3.
14.	9.4.4 Lokasi <i>FVV</i> boleh dicadangkan oleh pelajar tetapi ia harus dipersetujui oleh UPSI berdasarkan penilaian risiko.	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.3.
15.	9.4.5 Prosedur <i>FVV</i> adalah seperti berikut:	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.5.



Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023
16.	<p>9.4.6 Polisi dan Penilaian Risiko <i>FVV</i></p> <p><i>FVV</i> melibatkan risiko ke atas kesihatan dan keselamatan diri di tempat kerja. Risiko boleh dikategorikan sebagai rendah, sederhana dan tinggi. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko untuk mengurangkan risiko yang melibatkan calon dan penilai dan pihak UPSI. Di antara perkara yang dilihat ketika <i>FVV</i> termasuk ketika di dalam perjalanan dan pada masa lawatan dijalankan. Proses penilaian risiko <i>FVV</i> adalah seperti di Lampiran C.</p>	<p>Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.2.6.</p>
17.	<p>9.4 <i>Challenge Test</i></p>	<p>Perubahan dari segi penomboran dan tajuk iaitu;</p> <p>9.4.3 Ujian Cabaran (<i>Challenge Test</i>, CT) (Wajaran 30%)</p>
18.		<p>9.4.3.1 <i>Challenge Test</i> adalah ujian proctor standard yang menilai sama ada pelajar telah mencapai tahap pengetahuan/kecekapan program.</p>
19.	<p>9.5.1 <i>Challenge test</i> boleh dilaksanakan secara ujian bertulis, pemeriksaan lisan, penilaian produk dan / prestasi bergantung kepada disiplin program.</p>	<p>Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.3.2.</p>
20.	<p>9.4.2 Boleh menggunakan gabungan beberapa jenis penilaian.</p>	<p>Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.3.2.</p>
21.	<p>9.6 <i>Capstone Course</i></p>	<p>Perubahan dari segi penomboran dan tajuk iaitu;</p> <p>9.4.4 Kursus Capstone (<i>Capstone Course</i>) (Wajaran 30%)</p>
22.	<p>9.6.1 <i>Capstone Course</i> menggabungkan hasil pembelajaran utama program dan menunjukkan bahawa pelajar telah menguasai disiplin teras program. Beberapa rangkaian kursus boleh menjadi kursus <i>Capstone</i>. Ini termasuk kertas projek yang merupakan kursus yang dirancang ditawarkan pada semester/ tahun akhir pengajian.</p>	<p>Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.4.1.</p>

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023												
23.	9.6.2 <i>Capstone Course</i> boleh dinilai dalam bentuk penulisan dan pembentangan.	Perubahan dari segi penomboran iaitu 9.4.4.2.												
24.		9.4.4.3 Penilaian lisan yang komprehensif akan dibina dalam penilaian kursus Capstone.												
25.		9.4.4.4 Penilaian lisan ini bertujuan untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1249 475 2000 587">i. menguji pemahaman umum dan keseluruhan pelajar mengenai disiplin teras/bidang pengajian; dan <li data-bbox="1249 619 2000 762">ii. membuktikan bahawa keseluruhan pengalaman pembelajaran pelajar adalah pada standard yang cukup tinggi untuk mendapat penganugerahan kelayakan akademik. 												
26.		<p data-bbox="1160 775 2000 906">9.5 Semua instrumen berkenaan hendaklah dipetakan mengikut kesesuaian kepada Hasil Pembelajaran Program (PLO) program dan kesemua kursus yang ditawarkan dalam program berkenaan.</p> <table border="1" data-bbox="1167 946 2018 1393"> <thead> <tr> <th data-bbox="1167 946 1346 1038">Instrumen</th> <th data-bbox="1346 946 1921 1038">Kursus</th> <th data-bbox="1921 946 2018 1038">PLO</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1167 1038 1346 1393" rowspan="4">Portfolio (8 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)</td> <td data-bbox="1346 1038 1921 1118">1. PPI1933 Kreativiti & Inovasi Keusahawanan (3 kredit)</td> <td data-bbox="1921 1038 2018 1118">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 1118 1921 1198">2. PPI1063 Pengenalan Rancangan Perniagaan (3 kredit)</td> <td data-bbox="1921 1118 2018 1198">5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 1198 1921 1278">3. PPH1013 Pengantar Pengurusan Sumber Manusia (3 kredit)</td> <td data-bbox="1921 1198 2018 1278">9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 1278 1921 1393">4. PPL1013 Perundangan dalam Keusahawanan (3 kredit)</td> <td data-bbox="1921 1278 2018 1393"></td> </tr> </tbody> </table>	Instrumen	Kursus	PLO	Portfolio (8 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)	1. PPI1933 Kreativiti & Inovasi Keusahawanan (3 kredit)	1	2. PPI1063 Pengenalan Rancangan Perniagaan (3 kredit)	5	3. PPH1013 Pengantar Pengurusan Sumber Manusia (3 kredit)	9	4. PPL1013 Perundangan dalam Keusahawanan (3 kredit)	
Instrumen	Kursus	PLO												
Portfolio (8 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)	1. PPI1933 Kreativiti & Inovasi Keusahawanan (3 kredit)	1												
	2. PPI1063 Pengenalan Rancangan Perniagaan (3 kredit)	5												
	3. PPH1013 Pengantar Pengurusan Sumber Manusia (3 kredit)	9												
	4. PPL1013 Perundangan dalam Keusahawanan (3 kredit)													

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023		
			5. PPB1012 Asas Etika Perniagaan (2 kredit) 6. BIU2012 English Proficiency I (2 kredit)* 7. BIU2022 English Proficiency II (2 kredit) 8. BMK2012 Bahasa Melayu (2 kredit)	
		FVV (7 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)	1. PPI1078 Latihan Industri Keusahawanan (8 kredit) 2. PKU2013 Asas Keusahawanan (3 kredit) 3. CUR2011 Pasukan Pertolongan Cemas (1 kredit) 4. CSR2021 Kembara Alam (1 kredit) 5. CPR2011 Pembimbing Rakan Sebaya (1 kredit) 6. HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban (2 kredit) 7. HNS2042 Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia (2 kredit)	1 2 3 4 5 6 7

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023		
		CT (9 kursus dengan jumlah 27 jam kredit)	<ol style="list-style-type: none"> 1. PPI1043 Asas Penyelidikan Keusahawanan (3 kredit) 2. PPB1083 Komunikasi Keusahawanan (3 kredit) 3. PSI1013 Aplikasi IT untuk Usahawan (3 kredit) 4. PPS1013 Aplikasi Web Untuk Usahawan (3 kredit) 5. MMG1023 Keusahawanan Permainan (3 kredit) 6. MMD1033 Prinsip Reka Bentuk Permainan (3 kredit) 7. PPB1053 Strategi Perniagaan dan Keusahawanan (3 kredit) 8. PPI1053 Keusahawanan dan Penerokaan Baru (3 kredit) 9. PPI1083 Keusahawanan Sosial (3 kredit) 	3 7 10
		Kursus Capstone	<ol style="list-style-type: none"> 1. PPB1023 Prinsip dan Amalan Pengurusan (3 kredit) 	4 8

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023	
		(9 kursus dengan jumlah 27 jam kredit)	<p>2. PPB1033 Asas Perniagaan (3 kredit)</p> <p>3. PPM1033 Asas Pemasaran (3 kredit)</p> <p>4. PEA1063 Ekonomi Asas (3 kredit)</p> <p>5. PPB1073 Asas Perniagaan Antarabangsa (3 kredit)</p> <p>6. PAF1033 Prinsip Perakaunan Perniagaan (3 kredit)</p> <p>7. PPQ1013 Pengenalan Kepada Statistik (3 kredit)</p> <p>8. PPI1013 Kewangan Keusahawanan (3 kredit)</p> <p>9. PPM1023 Prinsip Pengurusan Operasi (3 kredit)</p>
27.		<p>9.6 Pemetaan empat instrumen terhadap kursus dan PLO program hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Senat bagi tujuan penganugerahan ijazah kepada pelajar yang berjaya.</p>	
28.		<p>9.12 Untuk penganugerahan kelayakan akademik melalui APEL.Q, pelajar mesti:</p> <p>i. Lulus setiap instrumen penilaian: Portfolio, FVV, CT dan kursus Capstone dengan mencapai</p>	

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023
		<p>sekurang-kurangnya 50% skor pada setiap PLO yang diuji. Sekiranya tidak mencapai skor 50% dalam mana-mana PLO yang dinilai di bawah pelbagai instrumen penilaian, pelajar akan diberikan status gagal untuk instrumen penilaian tersebut.</p> <p>ii. Mencapai PNGK minimum 2.0 daripada 4.0 untuk program pra siswazah (Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda), 3.0 daripada 4.0 untuk program pasca siswazah (Ijazah Sarjana dan Kedoktoran melalui mod Kerja Kursus) dan lulus komponen penyelidikan (Sarjana dan Ijazah Kedoktoran melalui Mod Campuran).</p>
29.	13.1 Urusan jaminan kualiti bagi penilaian APEL.Q diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) UPSI.	<p>Perubahan ayat iaitu;</p> <p>13.1 Urusan jaminan kualiti bagi penilaian APEL.Q diuruskan oleh Pusat Pembangunan Akademik (PPA) dan Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) UPSI.</p>
30.		13.2 Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
31.		13.2.1 Melantik Penyelaras APEL di PPA selaku penasihat bagi membantu fakulti dalam proses permohonan dan penilaian APEL.Q.
32.		13.2.2 Menyediakan garis panduan untuk rujukan pelaksanaan penilaian APEL.Q.
33.		13.2.3 Memberikan taklimat dan mengkoordinasikan program latihan (<i>trained assessors</i>) dalam usaha pembudayaan pelaksanaan APEL.Q di UPSI.

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023
34.		13.2.4 Memantau pelaksanaan APEL.Q yang dijalankan oleh fakulti agar sentiasa mematuhi panduan yang digariskan.
35.		13.3 Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ):
36.		13.3.1 Berperanan memantau proses penilaian APEL.Q yang jelas dan disepadukan dalam mekanisme jaminan kualiti akademik UPSI.
37	<p>13.2 BPQ akan membuat semakan kepada proses pelaksanaan APEL.Q sebelum keputusan dikemukakan ke Jawatankuasa Pengiktirafan dan Senat. Semakan berdasarkan kerangka jaminan kualiti dan standard seperti berikut:</p> <p>13.2.1 <i>GGP</i></p> <p>13.2.2 Dokumen Kod Amalan Akreditasi Program (<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>, COPPA COPPA, MQA02.</p> <p>13.2.3 Standard kualiti dalam semua bidang penilaian seperti yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>, COPPA).</p>	<p>Perubahan dari segi penomboran iaitu;</p> <p>13.3.2 BPQ akan membuat semakan kepada proses pelaksanaan APEL.Q sebelum keputusan dikemukakan ke Jawatankuasa Pengiktirafan dan Senat. Semakan berdasarkan kerangka jaminan kualiti dan standard seperti berikut:</p> <p>i. <i>GGP</i></p> <p>ii. Dokumen Kod Amalan Akreditasi Program (<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>, COPPA), MQA02.</p> <p>iii. Standard kualiti dalam semua bidang penilaian seperti yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>, COPPA).</p>
38.		13.3.3 Melantik seorang penilai luar untuk tujuan menyemak proses dan prosedur APEL.Q dan menyediakan laporan penilaian sewajarnya.
39.		13.3.4 Memastikan proses penilaian APEL.Q diintegrasikan dalam sistem jaminan kualiti UPSI bagi memastikan ketelusan, konsistensi, kebolehpercayaan dan akauntabiliti dalam proses kerja penilaian APEL.Q.

Bil.	Tahun 2020	Tahun 2023
40		15.0. Tarikh Berkuatkuasa Garis panduan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia diluluskan oleh Mesyuarat Senat Kali Ke-_____ Bil. _____ pada _____

4.0 KEPUTUSAN SENAT

- 4.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan APEL.Q Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 4.2 Garis Panduan Pelaksanaan APEL.Q Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terkini adalah seperti di **Lampiran A**.

5.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 14 Februari 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(PUAN SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 14 Februari 2023

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN APEL.Q
UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS**

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memperkenalkan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A)* dan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL.C)* bagi mengiktiraf pengalaman seseorang individu serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.
- 1.2 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengorak langkah dalam penglibatan pelaksanaan APEL bermula dengan kelulusan yang diperoleh untuk melaksanakan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL.C)* bermula 24 September 2019.
- 1.3 Kini UPSI mengorak langkah dengan menyokong pelaksanaan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualification (APEL.Q)*. Penglibatan UPSI dalam pelaksanaan APEL.Q bermula pada tahun 2020 dengan pelaksanaan kajian rintis.
- 1.4 Dengan kelulusan yang diterima daripada MQA, kini UPSI akan mempergiatkan lagi usaha untuk membina kerangka penilaian APEL.Q bagi program-program yang berpotensi untuk mengiktiraf pengalaman seseorang individu yang diperoleh melalui pengalaman hidup dan kerjaya sama ada secara pembelajaran formal dan tidak formal.

2.0 Definisi

- 2.1 APEL.Q adalah pemberian kelayakan akademik kepada pelajar melalui penilaian pembelajaran pengalaman terdahulu bagi program yang ditawarkan oleh Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia. APEL.Q menyediakan mekanisme untuk menilai pembelajaran berdasarkan pengalaman individu yang relevan dengan program pengajian.
- 2.2 Pemberian kelayakan akademik secara APEL.Q adalah berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperoleh melalui pembelajaran formal, tidak formal atau bukan formal.
- 2.3 Penilaian APEL.Q adalah ke atas kebolehan individu untuk mengguna pengalaman terdahulu dalam mencapai Hasil Pembelajaran Program (*PLO*) serta lima kelompok hasil pembelajaran yang terkait seperti yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

3.0 Justifikasi Pelaksanaan APEL.Q

- 3.1 Mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu yang diperoleh oleh individu melalui sumber pembelajaran formal, tidak formal atau bukan formal serta untuk mempromosikan budaya pembelajaran sepanjang hayat.
- 3.2 Mendorong individu yang mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan untuk memperoleh ijazah yang relevan melalui mekanisme penilaian yang berbeza tanpa melalui laluan biasa.
- 3.3 Berpotensi untuk mengurangkan usaha, masa dan kos untuk melengkapkan pengajian daripada laluan biasa.

4.0 Dasar Umum

- 4.1 Permohonan APEL.Q boleh dimohon oleh:
 - 4.1.1 pelajar tempatan dan antarabangsa
 - 4.1.2 pelajar berdaftar UPSI
 - 4.1.3 pelajar memenuhi syarat minimum pengalaman bekerja
- 4.2 Untuk memohon APEL.Q, pemohon mesti memenuhi syarat minimum pengalaman kerja pada tahap yang sesuai di bidang yang relevan seperti berikut:

Peringkat MQF	Sektor Akademik	Jumlah Minimum Pengalaman Dalam Bidang Yang Relevan
3	Sijil	5 Tahun
4	Diploma	10 Tahun
5	Diploma Lanjutan	12 Tahun
6	Sarjana Muda	15 Tahun
7	Sarjana	20 Tahun
8	Kedoktoran	25 Tahun

Nota: Calon yang tidak memenuhi syarat pengalaman minimum yang dinyatakan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang luar biasa, boleh dipertimbangkan berdasarkan kes oleh Senat.

- 4.3 APEL.Q hanya boleh dilaksanakan bagi program yang telah mendapat Akreditasi Penuh dari MQA.
- 4.4 Untuk peringkat pengajian pasca siswazah (Tahap 7 dan 8, MQF), pemberian kelayakan akademik hanya terhad kepada program Mod

Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja.

5.0 Dasar Penganugerahan Kelayakan Akademik

- 5.1 Penilaian untuk APEL.Q harus dilakukan secara berasingan untuk setiap program. Setiap permohonan adalah khusus untuk pemberian satu kelayakan akademik sahaja.
- 5.2 Kursus yang merupakan sebahagian daripada program yang diiktiraf oleh badan profesional boleh diberikan APEL.Q tertakluk kepada penerimaan badan profesional. UPSI adalah bertanggungjawab mendapatkan pengesahan badan profesional.
- 5.3 Penilaian terdiri daripada tiga (3) instrumen utama yang mengikut turutan berikut:

5.3.1 *Portfolio*

5.3.2 *Field and Validation Visit (FVV)*

5.3.3 *Challenge Test*

Setelah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga penilaian di atas, pelajar perlu melengkapkan *Capstone Course* yang telah ditetapkan bagi program pengajian tersebut.

- 5.4 Markah penilaian minimum yang perlu diperolehi oleh pelajar ialah sekurang-kurangnya 50% bagi setiap *Program Learning Outcome (PLO)*.
- 5.5 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu instrumen penilaian adalah berdasarkan skala penggredan UPSI mengikut Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) dan Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.
- 5.6 Mencapai PNGK minimum seperti berikut:

Peringkat Pengajian	PNGK Minimum
Sijil	2.00
Diploma	
Diploma Lanjutan	
Sarjana Muda	3.00
Sarjana	
Kedoktoran	

- 5.7 Pelajar yang layak dianugerahkan kelayakan akademik akan diberikan skrol bersama transkrip dan disertakan dengan *Malaysian Qualifications Statement (MQS)*.

6.0 Yuran Pengajian dan Caj Fi Rayuan

- 6.1 Yuran Pengajian bagi permohonan APEL.Q adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh UPSI bagi setiap program. Kadar yuran pengajian adalah berbeza bergantung kepada kerumitan bidang dan tahap pengajian.
- 6.2 Bagi setiap permohonan rayuan, caj fi juga akan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan oleh UPSI bergantung kepada kerumitan bidang dan tahap pengajian.


7.0 Proses Pelaksanaan

- 7.1 Pelaksanaan proses penilaian APEL.Q di UPSI adalah berpandukan *Guidelines To Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning For Award of Academic Qualifications [APEL.Q]* yang digunakan oleh MQA (Dirujuk sebagai GGP).
- 7.2 Pelajar yang gagal dalam penilaian APEL.Q boleh memohon semula berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan oleh MQA.
- 7.3 UPSI akan mengeluarkan skrol bersama transkrip yang akan menyatakan laluan APEL.Q dan menggambarkan PNGK yang diperoleh oleh pelajar.
- 7.4 UPSI akan menyimpan rekod lengkap termasuk instrumen, bukti dan keputusan permohonan.
- 7.5 Tempoh maksimum pengajian adalah seperti berikut:

Peringkat MQF	Sektor Akademik	Tempoh Maksimum Pengajian
3	Sijil	3 Tahun
4	Diploma	6 Tahun
5	Diploma Lanjutan	3 Tahun
6	Sarjana Muda	8 Tahun
7	Sarjana	4 Tahun
8	Kedoktoran	8 Tahun

8.0 Prosedur Permohonan APEL.Q

- 8.1 Pemohon perlu membuat permohonan melalui MQA yang bertindak sebagai pusat untuk semua permohonan APEL.Q.
- 8.2 Fakulti akan melantik sekurang-kurangnya seorang Penasihat yang akan membimbing pelajar sepanjang tempoh pengajian.
- 8.3 Pelajar akan melengkapkan Penilaian Kendiri bagi penilaian tahap pengalaman pelajar dalam bidang yang dimohon. Borang Penilaian Kendiri adalah seperti di Lampiran A.
- 8.3 Pelajar akan dibimbing oleh Penasihat dalam melaksanakan Penilaian Kendiri. Berdasarkan Penilaian Kendiri, Penasihat akan menentukan kelayakan pelajar dan membuat cadangan yang sesuai seperti berikut:
- cadangan sekiranya permohonan tidak mungkin berjaya pelajar akan diberikan nasihat dengan sewajarnya seperti perlu mengikuti kursus-kursus bagi menambahkan pengetahuan dan membuat permohonan berhenti.
 - cadangan sekiranya permohonan akan berjaya pelajar akan mengisi borang permohonan sebelum meneruskan ke pelbagai peringkat penilaian. Borang Permohonan APEL.Q adalah seperti di Lampiran B.
- 8.4 Carta alir proses permohonan adalah seperti berikut:



9.0 Instrumen Penilaian dan Prosedur

- 9.1 Penilaian untuk APEL.Q hendaklah dijalankan secara berasingan bagi setiap program di mana setiap permohonan adalah khusus untuk penganugerahan satu kelayakan akademik.
- 9.2 Tiga (3) instrumen penilaian utama yang akan digunakan dalam turutan berikut untuk menilai pembelajaran pengalaman pelajar iaitu:
- i. *Portfolio*
 - ii. *Field and Validation Visit (FVV)*
 - iii. *Challenge Test*

Pelajar perlu lulus setiap penilaian mengikut turutan yang dinyatakan sebelum ke peringkat seterusnya.

Setelah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga penilaian, pelajar perlu melengkapkan *Capstone Course* yang telah ditetapkan bagi program pengajian tersebut.

- 9.3 Peratus pemberatan instrumen penilaian adalah berbeza, yang menyumbang kepada jumlah penilaian keseluruhan. Penilaian pemberatan bagi setiap instrumen adalah seperti berikut:

Bil.	Instrumen Penilaian	Pemberatan (%)
1	<i>Portfolio</i>	20
2	<i>Field and Validation Visit (FVV)</i>	20
3	<i>Challenge Test</i>	30
4	<i>Capstone Course</i> (termasuk peperiksaan lisan komprehensif)	30


- 9.4 Setiap pelajar APEL.Q akan dinilai menggunakan empat instrumen utama yang perlu mengikut turutan berikut:

9.4.1 Portfolio (Wajaran 20%)

- 9.4.1.1 Portfolio adalah dokumen formal yang mengandungi kompilasi bukti yang mendokumentasikan pembelajaran pengalaman yang diperoleh.
- 9.4.1.2 Disediakan oleh pelajar untuk menunjukkan bahawa pembelajaran yang diperoleh adalah relevan dengan

program yang dimohon.

- 9.4.1.3 Bukti mesti disusun dan dikemukakan berdasarkan *PLO* yang telah dikenal pasti.
 - 9.4.1.4 Portfolio akan dinilai berdasarkan pengetahuan/kecekapan program tertentu.
- 9.4.2 Lawatan Lapangan dan Pengesahan (*Field and Validation Visit, FVV*) (Wajaran 20%)
- 9.4.2.1 *FVV* dilakukan di tempat kerja pelajar atau persekitaran/ lokasi yang kondusif bagi membolehkan pelajar menunjukkan bahawa pembelajaran dalam pekerjaan memenuhi *PLO*.
 - 9.4.2.2 Jumlah lawatan *FVV* adalah berbeza bergantung pada kerumitan bidang/ disiplin tahap pengajian.
 - 9.4.2.3 Proses penilaian *FVV* adalah berasaskan *PLO* yang telah dikenalpasti. Kompetensi calon boleh dinilai melalui beberapa kaedah seperti menyemak dokumen, pemerhatian dan juga temubual bersama staf di tempat kerja pelajar.
 - 9.4.2.4 Lokasi *FVV* boleh dicadangkan oleh pelajar tetapi ia harus dipersetujui oleh UPSI berdasarkan penilaian risiko.
 - 9.4.2.5 Prosedur *FVV* adalah seperti berikut:



9.4.2.6.

Polisi dan Penilaian Risiko FVV

FVV melibatkan risiko ke atas kesihatan dan keselamatan diri di tempat kerja. Risiko boleh dikategorikan sebagai rendah, sederhana dan tinggi. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko untuk mengurangkan risiko yang melibatkan calon dan penilai dan pihak UPSI. Di antara perkara yang dilihat ketika FVV termasuk ketika di dalam perjalanan dan pada masa lawatan dijalankan. Proses penilaian risiko FVV adalah seperti di Lampiran C.

9.4.3 Ujian Cabaran (*Challenge Test*, CT) (Wajaran 30%)

- 9.4.3.1 *Challenge Test* adalah ujian proctor standard yang menilai sama ada pelajar telah mencapai tahap pengetahuan/kecekapan program.
- 9.4.3.2 *Challenge test* boleh dilaksanakan secara ujian bertulis, pemeriksaan lisan, penilaian produk dan / prestasi bergantung kepada disiplin program.
- 9.4.3.3 Boleh menggunakan gabungan beberapa jenis penilaian.

9.4.4 *Capstone Course* (Wajaran 30%)

- 9.4.4.1 *Capstone Course* menggabungkan hasil pembelajaran utama program dan menunjukkan bahawa pelajar telah menguasai disiplin teras program. Beberapa rangkaian kursus boleh menjadi kursus *Capstone*. Ini termasuk kertas projek yang merupakan kursus yang dirancang ditawarkan pada semester/ tahun akhir pengajian.
- 9.4.4.2 *Capstone Course* boleh dinilai dalam bentuk penulisan dan pembentangan.
- 9.4.4.3 Penilaian lisan yang komprehensif akan dibina dalam penilaian kursus *Capstone*.
- 9.4.4.4 Penilaian lisan ini bertujuan untuk:
 - i. menguji pemahaman umum dan keseluruhan pelajar mengenai disiplin teras/bidang pengajian; dan
 - ii. membuktikan bahawa keseluruhan pengalaman pembelajaran pelajar adalah pada standard yang cukup tinggi untuk mendapat penganugerahan kelayakan akademik.

- 9.5 Kesemua instrumen berkenaan hendaklah dipetakan mengikut kesesuaian kepada Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan kesemua kursus yang ditawarkan dalam program berkenaan.

Contoh (APEL.Q bagi Diploma Keusahawanan)

Instrumen	Kursus	PLO
Portfolio (8 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)	1. PPI1933 Kreativiti & Inovasi Keusahawanan (3 kredit)	1 5
	2. PPI1063 Pengenalan Rancangan Perniagaan (3 kredit)	9
	3. PPH1013 Pengantar Pengurusan Sumber Manusia (3 kredit)	
	4. PPL1013 Perundangan dalam Keusahawanan (3 kredit)	
	5. PPB1012 Asas Etika Perniagaan (2 kredit)	
	6. BIU2012 English Proficiency I (2 kredit)*	
	7. BIU2022 English Proficiency II (2 kredit)	
	8. BMK2012 Bahasa Melayu (2 kredit)	
FVV (7 kursus dengan jumlah 18 jam kredit)	1. PPI1078 Latihan Industri Keusahawanan (8 kredit)	1 2
	2. PKU2013 Asas Keusahawanan (3 kredit)	3
	3. CUR2011 Pasukan Pertolongan Cemas (1 kredit)	4 5
	4. CSR2021 Kembara Alam (1 kredit)	6
	5. CPR2011 Pembimbing Rakan Sebaya (1 kredit)	7
	6. HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban (2 kredit)	
	7. HNS2042 Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia (2 kredit)	
CT (9 kursus dengan jumlah 27 jam kredit)	1. PPI1043 Asas Penyelidikan Keusahawanan (3 kredit)	3 7
	2. PPB1083 Komunikasi Keusahawanan (3 kredit)	10
	3. PSI1013 Aplikasi IT untuk Usahawan (3 kredit)	
	4. PPS1013 Aplikasi Web Untuk Usahawan (3 kredit)	
	5. MMG1023 Keusahawanan Permainan (3 kredit)	
	6. MMD1033 Prinsip Reka Bentuk Permainan (3 kredit)	
	7. PPB1053 Strategi Perniagaan dan	

Instrumen	Kursus	PLO
	Keusahawanan (3 kredit) 8. PPI1053 Keusahawanan dan Penerokaan Baru (3 kredit) 9. PPI1083 Keusahawanan Sosial (3 kredit)	
Kursus Capstone (9 kursus dengan jumlah 27 jam kredit)	1. PPB1023 Prinsip dan Amalan Pengurusan (3 kredit) 2. PPB1033 Asas Perniagaan (3 kredit) 3. PPM1033 Asas Pemasaran (3 kredit) 4. PEA1063 Ekonomi Asas (3 kredit) 5. PPB1073 Asas Perniagaan Antarabangsa (3 kredit) 6. PAF1033 Prinsip Perakaunan Perniagaan (3 kredit) 7. PPQ1013 Pengenalan Kepada Statistik (3 kredit) 8. PPI1013 Kewangan Keusahawanan (3 kredit) 9. PPM1023 Prinsip Pengurusan Operasi (3 kredit)	4 8 11

- 9.6 Pemetaan empat instrumen terhadap kursus dan PLO program hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Senat bagi tujuan penganugerahan ijazah kepada pelajar yang berjaya.
- 9.7 Carta alir keseluruhan proses penilaian APEL.Q adalah seperti di Lampiran D.
- 9.8 Bagi memastikan pengalaman yang diperolehi adalah meliputi badan pengetahuan program yang dimohon, pembinaan instrumen APEL.Q memerlukan pemetaan kepada CLO kursus dan PLO program. Untuk tujuan ini Mesyuarat Jawatankuasa APEL Fakulti akan menentukan *Subject Matter Expert (SME)* atau pakar bidang yang dilantik sebagai *Task Force* untuk membina instrumen. Instrumen yang dibina ini perlu melalui proses penilaian oleh Moderator Instrumen/ Penilai Instrumen sebelum dibentang dan disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen.
- 9.8.1 Mesyuarat Jawatankuasa APEL Fakulti
 Pengerusi : Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)
 Ahli-Ahli : Ketua Jabatan

Ketua Program

9.8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen

Pengerusi : Moderator/Pakar yang dilantik fakulti

Ahli-Ahli : Sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar yang dilantik Fakulti.

9.8.3 Carta alir dan penerangan proses pembangunan instrumen adalah seperti di Lampiran E.

9.9 Pakar subjek/bidang iaitu *Task Force* boleh memilih format soalan seperti di Lampiran F dan akan menetapkan jenis soalan untuk dimuatkan di dalam instrumen penilaian. Penyediaan instrumen adalah berpandukan *PLO* program.

9.10 Kriteria bagi Moderator Instrumen/Penilai Instrumen adalah berdasarkan bidang kepakaran seorang pensyarah yang dilantik oleh fakulti. Moderator Instrumen/Penilai Instrumen hendaklah mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada program yang ditawarkan.

9.11 Sekiranya gagal dalam penilaian tertentu, pelajar dibenarkan untuk mengulang sebanyak tiga (3) kali. Penasihat akan mengesyorkan kursus tambahan yang bersesuaian bagi peningkatan pengetahuan pelajar. Gred terbaik yang dicapai dalam proses ulangan akan digunakan dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Pengajian pelajar akan ditamatkan sekiranya telah mengulang sebanyak tiga kali.

9.12 Untuk penganugerahan kelayakan akademik melalui APEL.Q, pelajar mesti:

- i. Lulus setiap instrumen penilaian: Portfolio, FVV, CT dan kursus Capstone dengan mencapai sekurang-kurangnya 50% skor pada setiap PLO yang diuji. Sekiranya tidak mencapai skor 50% dalam mana-mana PLO yang dinilai di bawah pelbagai instrumen penilaian, pelajar akan diberikan status gagal untuk instrumen penilaian tersebut.
- ii. Mencapai PNGK minimum 2.0 daripada 4.0 untuk program pra siswazah (Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda), 3.0 daripada 4.0 untuk program pasca siswazah (Ijazah Sarjana dan Kedoktoran melalui mod Kerja Kursus) dan lulus komponen penyelidikan (Sarjana dan Ijazah Kedoktoran melalui Mod Campuran).

10.0 Panel Pakar

- 10.1 Panel Pakar yang terdiri daripada Penasihat, Penilai dan Moderator adalah penting dalam proses penilaian APEL.Q. Panel Pakar adalah pakar dalam bidang pengajian yang dimohon oleh pelajar.
- 10.2 Panel Pakar perlu memahami prinsip dan keperluan yang berkaitan dengan kandungan penilaian APEL.Q serta berpengalaman dalam pelbagai prosedur penilaian.
- 10.3 Panel Pakar juga perlu mengikuti kursus latihan yang relevan berkaitan prosedur dan dasar penilaian APEL.Q sebelum dilantik sebagai Penasihat, Penilai atau Moderator.
- 10.4 Secara asasnya, kriteria lantikan, peranan dan tanggungjawab sebagai Panel Pakar adalah seperti berikut:

10.4.1 Kriteria lantikan:

- i. dilantik oleh Fakulti
- ii. mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang berkaitan
- iii. mempunyai pengetahuan berkaitan kandungan dan struktur program
- iv. memiliki kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada program yang dinilai
- v. telah mengikuti latihan yang berkaitan APEL.Q serta memahami dasar, peraturan dan penilaian APEL.Q dengan baik
- vi. bersedia untuk mengikuti latihan berkaitan APEL.Q dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan pengetahuan
- vii. tidak mempunyai konflik kepentingan peribadi dengan organisasi dimana *FVV* akan dilaksanakan

